



## “MENGIMARAH MASJID TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ  
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ  
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ حَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ، اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا  
تُمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Saya menyeru diri saya dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya. Mudah-mudahan



kita tergolong di kalangan orang-orang yang mendapat perlindungan di akhirat kelak.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah sekalian,**

Marilah kita hayati khutbah minggu ini yang bertajuk "**Mengimarrah Masjid Tanggungjawab Bersama**".

### **Sidang Jumaat Yang Berbahagia,**

Masjid adalah rumah Allah. Tempat yang suci untuk umat Islam mengabdikan diri ke hadrat Allah SWT. dengan mengerjakan ibadah sematamata keranaNya. Ia juga lambang syiar Islam dan tanda perpaduan umat Islam. Selain itu, masjid juga merupakan pusat pembentukan dan pembangunan masyarakat bagi melahirkan ummah yang beriman dan bertaqwa serta mendapat petunjuk Allah SWT.

Di zaman baginda SAW., masjid berfungsi sebagai pusat ibadah iaitu tempat solat, membaca al-Quran, bertadarus, mengutip zakat, beriktikaf, berzikir dan lain-lain lagi. Masjid juga menjadi pusat pendidikan, pentadbiran, perpustakaan, tempat pengadilan, tempat pengumpulan angkatan tentera bagi memulakan perjuangan dan mengatur strategi peperangan dan bermacam lagi fungsi lain. Pendek kata masjid menjadi "one stop centre" bagi semua kegiatan umat Islam.

Ia menjadi lambang kekuatan umat Islam dan keutuhan iman penganutnya. Ia menjadi tempat kebajikan yang penuh dengan rahmat dan berkat. Oleh itu menjadi tugas kita untuk mengimarrahkan masjid agar ia menjadi mercu tanda perpaduan umat Islam. Mengimarrah masjid bermakna kita berusaha menarik orang ramai untuk hadir ke masjid mengikuti program-



program yang dilaksanakan di masjid dan lain-lain tindakan yang menunjukkan tanda cinta kita kepada masjid.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda :

مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ أَوْ رَاحَ، أَعَدَّ اللَّهُ لَهُ  
فِي الْجَنَّةِ نُزُلًا كَلَّمَا غَدَا أَوْ رَاحَ

*" Barangsiapa pergi pada waktu pagi ke masjid dan pada waktu petang, Allah akan menyediakan baginya sebuah rumah dalam syurga "*

*(Hadis Muttafaqun Alaih)*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Tugas memakmurkan masjid adalah tugas semua insan. Masjid perlu disuburkan dengan majlis-majlis ilmu dan kegiatan kemasyarakatan yang menyumbang ke arah perpaduan ummah. Apalah gunanya masjid serba indah dan menelan belanja yang tinggi dan mahal tetapi kontang dari sudut pengisian dan kehadiran jemaah. Jangan jadikan diri kita sebagai umat yang hanya tahu bermegah dengan bangunan masjid tetapi bukannya berlumba-lumba untuk menghidupkannya.

Hadis daripada Anas Bin Malik RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

لَا تَقُومُ السَّاعَةَ حَتَّى يَتَبَاهَى النَّاسُ فِي  
الْمَسَاجِدِ.



*" Tidak akan berlaku qiamat sehingga umatku hanya bermegah-megah dengan binaan masjid sahaja."*

*(Riwayat Abu Daud)*

Oleh yang demikian, masyarakat Islam dan pegawai masjid yang telah diberi amanah mengurus pentadbiran masjid perlu sentiasa berganding bahu memastikan fungsi masjid berjalan dengan sebaik-baiknya. Pihak masjid menyediakan program-program, manakala umat Islam memberi sokongan dengan hadir memeriahkan program yang telah disediakan. Jawatankuasa masjid hendaklah bijak, berpandangan jauh, berwawasan dan sentiasa bersikap terbuka khususnya kepada golongan remaja. Sentiasa menerapkan slogan "mesra masjid" dalam setiap tindakan. Kemudahan-kemudahan untuk golongan remaja dan belia perlu disediakan dalam usaha menyemai rasa cinta dan keinginan yang tinggi untuk hadir ke masjid.

Ini bertepatan dengan sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. menceritakan tentang tujuh golongan yang dilindungi oleh Allah pada hari Akhirat kelak dengan sabdanya :

...وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسْجِدِ...

*"...lelaki yang hatinya sentiasa ingat dan dekat dengan masjid..."*

*(Mutafaqun Alaih)*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Seseorang yang hatinya sentiasa terikat dengan masjid dengan sentiasa bersolat secara berjemaah dan menghidupkannya dengan pelbagai aktiviti yang dapat mengembalikan semula kegemilangan Islam.



Kita boleh mengambil contoh dalam memakmurkan masjid dengan melihat kepada Masjid Negeri Shah Alam sebagai model. Saban hari masjid ini dipenuhi dengan program rohani, motivasi, penghayatan al-Quran mencakupi segenap lapisan masyarakat baik dari peringkat kanak-kanak lagi, remaja, belia, dewasa sehinggalah warga tua.

Sebenarnya kemeriahan aktiviti di masjid akan mendorong ramai penderma yang bersedia menginfakkan harta untuk maslahat ummah samada dalam bentuk wang atau perkhidmatan. Mereka tidak bimbang dan ragu-ragu untuk menghulurkan sumbangan bilamana melihat masjid subur dan proaktif dengan pelbagai aktiviti untuk umat Islam. Bukanlah yang menjadi kebanggaan apabila masjid berjaya mengumpul dana kewangan begitu tinggi tetapi tidak digunakan dengan sewajarnya. Sebaliknya yang menjadi penilaian kita ialah sibuknya masjid dengan aktiviti yang memberi manfaat kepada semua pihak.

### **Sidang Jumaat Yang Berbahagia,**

Marilah kita berusaha dengan keazaman yang tinggi untuk menghidupkan masjid, menggerakkan majlis-majlis ilmu dan program yang dapat menyemarakkan lagi kehebatan Islam dan umatnya. Jangan kita alpa dan jauh daripada masjid sehingga kita dijauhkan daripada mendapat rahmat dan hidayah daripada Allah. Jadikan masjid sebagai pusat yang membangkitkan lagi semangat persaudaraan dan semangat jihad dalam mengembalikan semula kegemilangan Islam.

Para pegawai dan jawatankuasa masjid pula hendaklah sentiasa memastikan bahawa masjid sentiasa dalam keadaan selesa dan aman untuk anak kariah serta masyarakat setempat melaksanakan ibadah dan



menjalankan program memakmurkan dan mengimarahkan masjid. Manakala ahli kariah pula hendaklah sentiasa prihatin dan sentiasa hadir ke masjid.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ  
وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ  
فَعَسَىٰ أَوْلَىٰ لَكَ أَنْ يُكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

*"Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.*

( at-Taubah : 18 )



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ





الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.